

SUKOL

wujudkan mahasiswa holistik

SEREMBAN 1 Mei - Penghargaan Sukan Antara Kolej (SUKOL) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai baru-baru ini dianggap sebagai platform terbaik ke arah mengimbangi pembangunan mahasiswa dalam aspek pendidikan dan kokurikulum.

Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Muhamad Muda berkata, SUKOL bukan sahaja mampu menggalakkan mahasiswa untuk bergiat aktif dalam bidang sukan, malah turut menjadi saluran bagi mencungkil bakat baru dalam bidang berkenaan.

"Saya juga ingin mencadangkan agar juara SUKOL dipertemukan dengan juara Sukan Antara Fakulti (SUFA) kelak bagi membolehkan kita mencari individu yang berkeupayaan serta mempunyai potensi untuk diketengahkan dalam bidang sukan.

"Langkah ini secara tidak langsung berupaya meningkatkan bilangan atlet untuk mewakili universiti mahupun ke peringkat lebih tinggi. Tetapi paling utama kejayaan SUKOL telah membuktikan USIM berupaya melahirkan insan yang holistik," katanya ketika menutup SUKOL di universiti berkenaan baru-baru ini.

Menurutnya, penyertaan penuntut yang menggalakkan dalam SUKOL tahun ini sekali gus menepis tanggapan ramai pihak yang menyifatkan mahasiswa Islam kurang aktif dalam bidang kokurikulum.

Sementara itu, pengarah program, Rabiatul Adawiyah Arifen berkata, SUKOL yang berlangsung di Kompleks Sukan Tunku Najihah selama tiga hari membawa tema 'Sukan Membangunkan Modal Insan Holistik'.

"Antara acara yang dipertandingkan adalah futsal lelaki dan wanita, bola jaring, bola sepak, sepak takraw, catur, pingpong dan bola tampar.

"Penyertaan terdiri daripada enam kolej kediaman yang mewakili Acacia Avenue, Desa Jati, Sutera Indah, Nilam Court, Camellia Court, Pandan Indah dan Kolej Kediaman 1 (KK1)," jelasnya.